

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 58**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan kurikulum lesen memandu bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Pendidikan ialah asas, pentas dan pemangkin bagi mendokong segala program yang boleh membawa kepada perubahan yang diinginkan kepada tingkah laku, kemahiran dan sikap pemandu untuk keselamatan di jalan raya. Tanpa program latihan dan pendidikan pemanduan yang berkesan, langkah pencegahan yang lain akan menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan sasaran yang diinginkan.
2. Tujuan sistem latihan dan pendidikan pemandu ialah untuk mendidik pemandu dan pengguna jalan yang lain supaya mereka segan dan keberatan untuk mengambil risiko di jalan raya. Bagi mencapai hasrat ini, penunggang motosikal dan pemandu kenderaan perlu diberi latihan kompetensi dan pemanduan selamat berdasarkan keperluan masing-masing. Program latihan dan pendidikan yang berkesan adalah perlu untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran secukupnya bagi setiap pemandu yang dikenal pasti sebagai “kumpulan berisiko tinggi” di jalan raya untuk menjadi pemandu yang lebih selamat.

Sekian, terima kasih.